



اوتورسيتي مليسيا فهج السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Bendahari
Bursary Department

Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5025
e-mel: bursary@ump.edu.my
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Rujukan kami: UMP.03.08/100.1/3/2 (16)

Tarikh: 24 November 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrS./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.2 TAHUN 2023
ARAHAN KAWALAN PERBELANJAAN AWAM DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN
ADBULLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Surat Pekeliling Bendahari Bil.2 Tahun 2023 berkenaan Arahan Kawalan Perbelanjaan Awam Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah untuk makluman dan tindakan YH./ YBhg./ YBrS./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

ZO/NFMS/Surat/Pekeliling/ Surat Pekeliling Bendahari Universiti/ Folder Dasar & Pematuhan

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI





SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

ARAHAN KAWALAN PERBELANJAAN AWAM DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENDAHULUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan arahan kawalan perbelanjaan awam di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Ketua Setiausaha Negara melalui surat edaran kepada kesemua Ketua Setiausaha Kementerian rujukan JPM.KSN.100-2/2/5 Jld.46(27) pada 18 Oktober 2023 telah menyentuh berkaitan arahan kawalan perbelanjaan awam Kementerian/Jabatan sebagaimana ucapan YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 yang turut menyentuh aspek penjimatan dan mengelakkan pembaziran sumber kewangan awam;
- 2.2 Kementerian Kewangan mengeluarkan **Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 (Pindaan 2022) - Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam** sebagai panduan untuk Kementerian/Jabatan melaksanakan langkah-

langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Pekeliling ini diterima pakai melalui Pekeliling Bendahari Bil. 5 Tahun 2021; dan

- 2.3 Mesyuarat JKPU Ke-216 Bil. 23/2023 pada 7 November 2023 mengambil maklum arahan YAB Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara. Seterusnya arahan ini dipanjangkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UMPSA untuk melaksanakan kawalan perbelanjaan dengan rapi mengikut peraturan yang ditetapkan. Perbelanjaan awam perlulah dilaksanakan dengan berhemat, bersederhana dan selari dengan keperluan sebenar bagi mengurangkan komitmen kewangan Kerajaan dan mengelakkan pembaziran sumber.

3.0 ARAHAN KAWALAN PERBELANJAAN AWAM

3.1 Universiti hendaklah memastikan perbelanjaan Jabatan dibuat secara optimum seperti:

- (i) **Penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel** dihadkan bagi program yang benar-benar perlu sahaja dan disarankan dibuat di premis atau pusat-pusat/Institusi Latihan Awam (ILA);
- (ii) Penggunaan sumber utiliti (sumber elektrik dan air) dan peralatan pejabat secara optimum;
- (iii) **Mengelakkan pembaziran penyediaan makan dan minum** semasa mesyuarat atau program;
- (iv) **Menggalakkan mesyuarat diadakan secara dalam talian/ persidangan video** bagi mengurangkan perbelanjaan logistik, mengoptimumkan masa dan perbelanjaan ke atas tuntutan perjalanan (mematuhi tatacara keselamatan dan perkongsian maklumat yang terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 tahun 2023 oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia); dan
- (v) **Tempahan tiket penerbangan perlu berdasarkan perbandingan harga yang terbaik** (bagi mendapatkan *value for money*), membuat perancangan awal dan turut digalakkan menempah menggunakan Kad Kredit Korporat.

3.2 Universiti perlulah mematuhi **peraturan perjalanan rasmi bertugas ke luar negara** seperti mana yang terkandung di dalam Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Bilangan 1 (2021) serta penjelasan di dalam PB 3.1 (Pindaan 2022) antaranya seperti berikut:

- (i) Mesyuarat/rundingan berjadual/berkala atau persidangan yang telah diluluskan di dalam belanjawan tahunan dan yang benar-benar penting serta memberi impak yang signifikan kepada kepentingan negara; atau
- (ii) Mesyuarat/persidangan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

3.3 Pegawai Pengawal dan semua Pegawai diingatkan supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang dijelaskan di bawah Seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dalam melaksanakan pengurusan perbelanjaan. Kegagalan pegawai awam mematuhi semua peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Seksyen 18 Akta 61.

4.0 TARIKH KUAT KUASA


Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 24 November 2023

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
 - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
 - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
 - 4) Ketua Pustakawan
 - 5) Penasihat Undang-Undang